

**TERMA DAN SYARAT – KONTRAK PERTUKARAN ASING SPOT DAN OPSYEN MATA WANG (“PERKHIDMATAN FX”)**

1. Pelanggan boleh, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di sini untuk memasuki kontrak/urus niaga pertukaran asing spot (“Urus Niaga FX”) dan opsyen mata wang (“Opsyen Mata Wang”) (secara bersama Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang, “Perkhidmatan FX”). Ketersediaan Perkhidmatan FX akan tertakluk kepada kadar pasaran pertukaran asing dan ketersediaan mata wang yang diminta oleh Pelanggan, dan akan dikawal oleh undang-undang Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada peraturan dan pengawalan berkenaan kawalan pertukaran.

2. Pelanggan membenarkan OCBC Bank untuk membuka dan mengekalkan akaun semasa pada namanya (“Akaun”). Pelanggan akan memberi dokumen dan maklumat termasuk resolusi lembaga pengarahnya dan senarai orang yang diberi kuasa (“Orang Diberi Kuasa”) seperti mana diperlukan oleh OCBC Bank untuk melaksanakan Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang. Pelanggan akan memaklumkan kepada OCBC Bank tentang sebarang perubahan lanjut dalam Orang Diberi Kuasa dengan syarat perubahan demikian akan berkuat kuasa terhadap OCBC Bank hanya apabila diterima oleh OCBC Bank.

3. Yang berikut ialah Kejadian Pemungkiran yang terpakai ke atas Perkhidmatan FX:-

- (a) Pelanggan gagal membayar sebarang amaun yang kena dibayar pada masa itu, dalam mata wang dan/atau cara yang ditentukan oleh OCBC Bank atau gagal melakukan atau mematuhi sebarang obligasi di bawah mana-mana Urus Niaga FX atau terdapat sebarang pelanggaran mana-mana terma dan syarat atau representasi atau waranti;
- (b) Pemungkiran berlaku pada pembayaran pada tarikh kena dibayar sebarang wang yang kena dibayar kepada OCBC Bank (sama ada prinsipal, faedah atau sebaliknya);
- (c) prosiding penggulungan/kebankrapan atau prosiding lain akan dimulakan terhadap Pelanggan atau pemegang amanah, penerima, dan/atau pengurus, pembubar, telah atau akan dilantik ke atas Pelanggan atau sebarang tindakan korporat untuk memberi kuasa kepada mana-mana yang sebelumnya diambil;
- (d) Pelanggan melanggar sebarang perjanjian lain atau memungkirkan pembayaran sebarang jumlah tertunggak yang terhutang kepada OCBC Bank atau kepada mana-mana institusi kewangan;
- (e) jika Pelanggan atau mana-mana pengarah utamanya meninggal atau menjalankan hukuman penjara atau menjadi kurang siaman atau dijadikan bankrap atau jika sebarang prosiding undang-undang atau sebarang tindakan (sama ada jenayah atau sivil) dimulakan terhadap mana-mana satu daripada mereka;
- (f) sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan terpakai yang menjadikannya mustahil atau melanggar undang-undang jika OCBC Bank atau Pelanggan meneruskan Perkhidmatan FX atau jika Pelanggan menggadai atau memberi Akaun sebagai cagaran;
- (g) sebarang penghakiman yang diperoleh terhadap Pelanggan masih tidak diselesaikan bagi tempoh selama tujuh (7) hari atau jika penahanan distres atau pelaksanaan lain dikenakan atau dikuatkuasakan atau dikeluarkan terhadap Pelanggan atau terhadap mana-mana satu hartanah Pelanggan atau Akaun dan tidak dilepaskan dalam masa empat belas (14) hari;
- (h) atas sebarang sebab OCBC Bank menganggap sebarang perubahan material buruk dalam aset, kedudukan kewangan Pelanggan atau dalam ekonomi secara am yang menjadikannya tidak diingini bagi OCBC Bank meneruskan perkhidmatan FX;
- (i) jika mana-mana Pelanggan melanggar sebarang representasi, waranti, terma atau syarat di sini atau dokumen sekuriti atau jika sebarang maklumat yang diberi oleh Pelanggan kepada OCBC Bank salah atau tidak lengkap; atau
- (j) apabila OCBC Bank menerima notifikasi daripada DCHEQS bahawa Pelanggan telah disenarai hitam.

4. Jika Kejadian Pemungkiran telah berlaku atau jika pada pendapat OCBC Bank (yang mutlak), sebarang Urus Niaga FX mungkin melanggar sebarang peruntukan undang-undang, peraturan dan pengawalan berhubung dengan pertukaran asing (termasuk notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (“Peraturan FEA”)), OCBC Bank akan berhak melaksanakan hak berikut:

- (a) membatalkan Perkhidmatan FX, yang kemudiannya baki tertunggak akan menjadi kena dibayar dan perlu dibayar dengan segera dan kadar faedah bayaran lewat akan dikenakan ke atas baki tertunggak sehingga tarikh penerimaan bayaran penuh oleh OCBC Bank;
- (b) membatalkan Perkhidmatan FX dan menutup semua Urus Niaga FX yang tertunggak ketika itu berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan oleh OCBC Bank (“Tarikh Penamatan Awal”). OCBC Bank akan membuat kiraan dan memberi Pelanggan penyata yang menyatakan amaun yang perlu dibayar berhubung dengan Urus Niaga FX yang ditutup. Sebarang amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada OCBC Bank berhubung dengan Urus Niaga FX yang ditutup termasuk kehilangan tawaran, kos pembiayaan, kerugian dinilai menurut pasaran atau kos yang ditanggung hasil daripada menamat, menutup, membubar, memperoleh atau menubuh semula sebarang lindung nilai atau posisi dagangan berkaitan akan dibayar oleh Pelanggan.

Pelanggan memberi kuasa secara tidak boleh batal kepada OCBC Bank untuk mendebitkan Baki Kredit dalam Akaun untuk menyelesaikan semua wang yang terhutang daripada Pelanggan di bawah Perkhidmatan FX dan mana-mana liabiliti lain Pelanggan yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Jika Baki Kredit tidak mencukupi untuk menyelesaikan amaun yang terhutang di bawah Perkhidmatan FX, Pelanggan akan, apabila dituntut oleh OCBC Bank, membayar kekurangan.

5. OCBC Bank mempunyai hak untuk menyemak, menukar atau mengenakan terma tambahan, menggantung dan/atau membatalkan Perkhidmatan FX pada bila-bila masa tidak kira sama ada Kejadian Pemungkiran telah berlaku dan tiada apa dalam terma dan syarat ini akan dianggap sebagai mengenakan ke atas OCBC Bank sebarang obligasi sama ada di bawah undang-undang atau ekuiti untuk meneruskan Perkhidmatan FX.

6. OCBC Bank boleh memindah hak semua atau sebahagian daripada hak, manfaat atau obligasinya di sini. Pelanggan tidak boleh tanpa persetujuan OCBC Bank, memindah hak atau memindahkan mana-mana hak atau obligasinya di sini.

7. Penyata, sijil atau pengesahan OCBC Bank yang dikeluarkan oleh OCBC Bank tentang amaun yang pada bila-bila masa kena dibayar daripada Pelanggan, termasuk pengiraan OCBC Bank berkenaan kerugian dinilai menurut pasaran ke atas Urus Niaga FX atau Opsyen Mata Wang adalah, tanpa kesilapan jelas, muktamad dan konklusif dan mengikat bagi semua tujuan terhadap Pelanggan.

8. Pelanggan akan menjamin dan terus menjamin OCBC Bank terhadap sebarang ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran undang-undang atas asas peguam cara dan anak guam sendiri) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh OCBC Bank yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, termasuk penggunaan Perkhidmatan FX oleh Pelanggan.

9. Tertakluk kepada arahan nyata Pelanggan (jika ada) mengehadkan pendedahan, Pelanggan bersetuju secara tidak boleh batal dan memberi kuasa kepada OCBC Bank dan pegawainya untuk mendedahkan keadaan kewangan Pelanggan, butiran akaunnya, hubungan akaun dengan OCBC Bank, terma Perkhidmatan FX, Urus Niaga FX, Opsyen Mata Wang, sekuriti yang diberi kepada OCBC Bank kepada kelas orang yang berikut:-

- (i) pemproses data atau pembekal perkhidmatan OCBC Bank, kedua-dua di dalam dan luar Malaysia, yang diambil untuk menjalankan fungsi dan aktiviti OCBC Bank;
- (ii) syarikat yang berkaitan dengan OCBC Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau syarikat berkaitan OCBC Bank (OCBC Bank bersama dengan syarikat berhubung/berkaitan tersebut secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan OCBC"), penerima serah hak dan pengganti dalam hak milik mereka;
- (iii) badan kawal selia, agensi kerajaan, badan berkuasa percukaian, polis, badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, kedua-dua di dalam dan luar Malaysia;
- (iv) bank atau institusi kewangan lain termasuk Cagamas Berhad dan Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad, syarikat insurans cagaran dan mana-mana syarikat insurans semula (di dalam atau luar Malaysia);
- (v) biro kredit, agensi pelaporan kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, dan pertubuhan yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan memberi maklumat kredit;
- (vi) pihak sekuriti dan pihak ketiga yang ingin menyelesaikan hutang anda;
- (vii) ejen pengutipan hutang, peguam, kustodian dan syarikat penama;
- (viii) ejen diberi kuasa dan pengganti dalam hak milik anda;
- (ix) penerima serah hak atau pembeli OCBC Bank, penerima serah hak potensi atau pembeli dan pengganti hak milik; dan
- (x) orang atau badan kepada mana OCBC Bank perlu mendedahkan di bawah undang-undang.

10. Pelanggan memberi persetujuan secara tidak boleh batal kepada agensi pelaporan kredit relevan (seperti mana ditakrifkan dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010) ("CRA") dengan mana OCBC menjalankan semakan kredit ke atas Pelanggan untuk mendedahkan laporan kredit Pelanggan atau maklumat kredit kepada OCBC Bank bagi tujuan melanggan atau memohon produk dan perkhidmatan OCBC Bank dan untuk pengurusan risiko dan semakan OCBC Bank. OCBC Bank diberi kuasa tetapi tidak mempunyai obligasi, untuk menyampaikan persetujuan Pelanggan kepada pendedahan tersebut dan tujuan pendedahan tersebut kepada agensi pelaporan kredit relevan.

11. Pelanggan menjamin dan menyatakan kepada OCBC Bank bahawa Pelanggan telah mendapat persetujuan pengarah, pengurus, pegawai dan pemegang saham relevan kami (jika Pelanggan ialah syarikat) dan rakan kongsi lain (jika Pelanggan ialah perkongsian), pihak sekuriti (jika ada) dan pengarah, pengurus, pegawai dan pemegang saham relevan pihak sekuriti untuk Perkhidmatan FX (i) untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada OCBC Bank; (ii) untuk pengesahan data peribadi mereka oleh OCBC Bank dengan sumber pihak ketiga seperti agensi pelaporan kredit,

Suruhanjaya Syarikat atau Jabatan Insolvensi dan bagi CRA relevan untuk mendedahkan laporan/maklumat kredit kepada OCBC Bank bagi tujuan memohon Perkhidmatan FX termasuk produk dan perkhidmatan lain dan untuk pengurusan risiko dan semakan; (iii) bagi OCBC Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga yang dinyatakan dalam Dasar Privasi OCBC Bank. Pelanggan telah memaklumkan kepada mereka untuk membaca Dasar Privasi OCBC Bank yang dipaparkan dalam laman web OCBC Bank dan boleh diperolehi di cawangan OCBC Bank atas permintaan.

12. Pelanggan menyatakan dan menjamin kepada OCBC Bank bahawa urus niaga dagangan sandaran tidak melanggar Akta Dagangan Strategik 2010, seperti mana dipindah atau ditambah dari masa ke masa dan peraturan/perintah yang dikeluarkan di bawah Akta ("STA") dan semua permit, lesen, pendaftaran dan kelulusan yang perlu di bawah STA untuk urus niaga dagangan Pelanggan telah atau akan diperolehi dan berkuat kuasa sepenuhnya dan akan apabila diminta oleh OCBC Bank, dikemukakan kepada OCBC Bank.

13. Pelanggan akan membayar OCBC Bank semua kos urus niaga, premium, yuran, caj dan komisen berhubung dengan Urus Niaga FX atau Opsyen Mata Wang (tanpa tolakan, tolak selesai atau tahanan) dan boleh ditolak oleh OCBC Bank daripada akaun semasa. Bayaran kepada OCBC Bank adalah bebas daripada cukai barangan, jualan dan perkhidmatan, atau sebarang cukai serupa yang jika perlu dibayar akan ditanggung oleh Pelanggan.

14. Jika sebarang tolakan atau tahanan ke atas mana-mana amaun yang perlu dibayar kepada Pelanggan diperlukan menurut undang-undang seperti cukai tertahan persekutuan A.S. yang dikenakan atau dikutip menurut Seksyen 1471 hingga 1474 Kod Hasil Dalam Negeri A.S. 1986 ("Cukai Tahanan FATCA"), seperti mana dipinda dari masa ke masa, OCBC Bank akan menahan atau menolak daripada sebarang bayaran yang perlu dibayar kepada Pelanggan dan/atau mendebitkan akaun Pelanggan, dan membayar kepada pihak berkuasa relevan amaun penuh yang perlu ditolak atau ditahan, DENGAN SYARAT jika terdapat kekurangan bayaran kepada pihak berkuasa relevan, Pelanggan hendaklah apabila dituntut dengan segera membayar baki penuh kepada OCBC Bank dan Kadar Pemungkiran FX (seperti mana ditakrifkan dalam Klausula 30) akan terpakai ke atas sebarang baki tertunggak daripada Pelanggan dari tarikh tuntutan hingga tarikh pembayaran penuh.

15. Semua Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang akan dilakukan oleh Pelanggan dengan membuat permintaan kepada OCBC Bank melalui telefon atau kaedah lain yang dibenarkan oleh OCBC Bank pada mana-mana Hari Perniagaan. Di mana saluran dagangan elektronik tersedia untuk Pelanggan, Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang boleh dibuat selaras dengan tatacara yang mengawal dagangan elektronik. Setiap permintaan adalah tidak boleh batal. OCBC Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) mematuhi mana-mana permintaan. Setelah terma Urus Niaga FX atau Opsyen Mata Wang dipersetujui antara OCBC Bank dan Orang Diberi Kuasa Pelanggan, sama ada melalui telefon atau saluran dagangan elektronik atau kaedah dibenarkan lain, kontrak yang mengikat akan berkuat kuasa pada masa tersebut. Kadar spot Urus Niaga FX akan tertakluk kepada kadar pasaran pertukaran asing lazim (seperti mana ditetapkan oleh OCBC Bank) dan ketersediaan mata wang. OCBC Bank akan dijamin sepenuhnya oleh Pelanggan terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan semua liabiliti lain yang mungkin ditanggung atau dialami dalam menerima dan bertindak terhadap komunikasi tersebut. OCBC Bank berhak merakam semua perbualan dan arahan melalui telefon. OCBC Bank berhak menggunakan rakaman dan transkrip tersebut dalam sebarang pertikaian.

16. Pelanggan akan menghormati Urus Niaga FX pada tarikh di mana Pelanggan bertanggungjawab secara kontrak untuk menyelesaikan obligasinya di bawah Urus Niaga FX ("Tarikh Nilai"). OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau caj faedah hasil daripada sebarang kelewatan dalam penerimaan dana. Pelanggan akan menanggung semua kos, perbelanjaan dan caj berkaitan dengan sebarang penghantaran dana.

17. Pelanggan mengesahkan, mengakui dan menjamin bahawa:-

- (i) ia bertindak sebagai pihak utama untuk akaun sendiri dan memahami dan menerima terma, syarat dan risiko Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang bergantung kepada pertimbangan sendiri dan penilaian bebas;
- (ii) ia akan mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing ("Notis Peraturan FEA") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke masa dan akan memberi maklumat sokongan dan/atau dokumentasi untuk mematuhi Notis Peraturan FEA;
- (iii) Perkhidmatan FX adalah untuk melindungi nilai terhadap pendedahan pertukaran asing berhubung dengan urus niaga/dagangan sandaran dan bukan untuk tujuan spekulasi. Pelanggan akan memberi semua dokumen/bukti urus niaga/dagangan sandaran;
- (iv) walaupun OCBC Bank boleh memberi Pelanggan akses kepada syor dan penyelidikan berhubung dengan mata wang, termasuk bagaimana hendak melabur, apa atau bila hendak membeli atau menjual, OCBC Bank tidak menyatakan bahawa syor demikian sesuai bagi Pelanggan dan semua pesanan dibuat dan Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang dimasuki atas tanggungjawab dan risiko tunggal Pelanggan bergantung kepada pertimbangan sendiri dan berasaskan penilaian bebasnya akan kesesuaian syor demikian;

- (v) OCBC Bank tidak bertindak sebagai fidusiari atau penasihat kepada Pelanggan dan tidak mewakili diri sebagai penasihat atau mana-mana pekerja atau ejennya sebagai mempunyai kuasa untuk menasihati Pelanggan untuk memasuki sebarang Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang atau sebarang tindakan susulan dan tiada antara syor atau nasihatnya akan diambil sebagai jaminan keputusan dijangka daripada mana-mana Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang;
- (vi) OCBC Bank tidak mempunyai sebarang tanggungjawab atau liabiliti sama sekali berhubung dengan sebarang nasihat yang diberi atau pendapat yang disuarakan olehnya atau mana-mana antara orang tersebut kepada Pelanggan, sama ada atau tidak nasihat tersebut diberi atau disuarakan atas permintaan Pelanggan; dan
- (vii) Pelanggan tidak menerima daripada OCBC Bank, atau mana-mana pekerja atau ejen sebarang kepastian atau jaminan tentang keputusan yang dijangkakan daripada sebarang Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang.
- (viii) **Risiko Dagangan Opsyen:** Urus niaga dalam opsyen melibatkan risiko yang tinggi. Pembeli opsyen boleh offset atau melaksanakan opsyen atau membenarkan opsyen luput. Jika opsyen yang dibeli menjadi luput tanpa nilai pembeli akan mengalami kerugian sepenuhnya daripada pelaburannya yang terdiri daripada premium opsyen campur kos urus niaga. Menjual (“menulis” atau “memberi”) opsyen secara amnya melibatkan risiko lebih besar daripada membeli opsyen; walaupun premium yang diterima oleh penjual adalah tetap, penjual mungkin mengalami kerugian melebihi amaun tersebut jika penjual tidak “dilindungi” atau dilindungi nilai.
- (ix) **Risiko Mata Wang:** Turun naik kadar mata wang asing mempunyai impak ke atas keuntungan/kerugian dan pelaburan kewangan di mana kontrak kewangan atau perbendaharaan atau urus niaga derivatif kewangan dalam denominasi mata wang asing atau dalam mata wang lain daripada pelaburan kewangan asal. Risiko ini akan dijelaskan di bawah kerugian pertukaran.
- (x) **Risiko Pasaran:** Pembayaran dan/atau penerimaan Pelanggan dalam sebarang Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang berkait dengan perubahan dalam nilai kadar pertukaran asing. Perubahan demikian, yang mungkin berlaku dengan tiba-tiba dan besar, boleh menyebabkan Pelanggan mengalami kerugian signifikan dalam 1) amaun yang dibayar di bawah terma urus niaga melebihi amaun yang diterima, dan 2) amaun yang mungkin ditanggung Pelanggan untuk mengurai sebarang Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang sebelum tempoh matang yang dinyatakan.
- (xi) **Risiko Kredit:** OCBC Bank boleh, di bawah keadaan tertentu, gagal melaksanakan obligasi kami kepada Pelanggan apabila perlu.
- (xii) **Risiko Kecairan** ialah risiko yang disebabkan keadaan pasaran lazim ia mungkin tidak dapat membubarkan atau menilai nilai saksama posisi Pelanggan. Tambahan lagi, Pelanggan patut sedar bahawa operasi peraturan pertukaran atau sebarang kegagalan tenaga atau sistem menjejaskan kemudahan dagangan elektronik boleh, dalam keadaan tertentu, menyekat atau menghalang OCBC Bank daripada membubarkan atau melaksanakan sebarang urus niaga, dengan itu meningkatkan kebarangkalian kerugian.
- (xiii) **Percanggahan Kepentingan:** OCBC Bank memainkan pelbagai peranan berhubung dengan sebarang Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang yang akan dilaksanakan termasuk bertindak sebagai Ejen Pengiraan dan melindungi nilai obligasinya di bawah urus niaga tersebut. OCBC Bank dan/atau mana-mana syarikat berkaitannya, dalam urusan biasa perniagaannya, boleh juga melaksanakan urus niaga untuk akaun mereka sendiri atau untuk akaun pelanggan mereka. Dalam menjalankan perniagaan demikian, sama ada OCBC Bank atau mana-mana syarikat berkaitannya tidak diwajibkan mengambil kira keadaan Pelanggan atau bertindak dalam cara yang memihak Pelanggan. Pelanggan patut sedar bahawa aktiviti demikian boleh, atau mungkin tidak menjejaskan nilai urus niaga dan percanggahan boleh timbul.
- (xiv) **Risiko Selanjutnya dan Pengakuan:** Hanya Pelanggan sendiri bertanggungjawab untuk memantau prestasi dan kewajaran berterusan kontrak tertunggaknya.

18. Tanpa prejudis kepada sifat umum yang sebelumnya, OCBC Bank berhak, berhubung dengan Urus Niaga FX dan Opsyen Mata Wang, untuk bergantung kepada dan bertindak terhadap sebarang notis atau arahan berasaskan tandatangan yang berupa kepada OCBC, dengan merujuk kepada nama dan tandatangan orang tersebut, yang difaalkan dengan OCBC Bank, seperti tandatangan:

- (i) mana-mana antara Orang Diberi Kuasa Pelanggan; atau
- (ii) mana-mana antara orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mengeluarkan sebarang notis (termasuk notis pertukaran Orang Diberi Kuasa) atau sebarang arahan sama sekali, tanpa pertanyaan pada pihak OCBC Bank tentang identiti orang yang memberi atau dikatakan memberi notis atau arahan demikian atau keesahan arahan atau notis tersebut. OCBC Bank berhak menganggap semua arahan atau notis yang diberi sedemikian, sebagai mengikat Pelanggan dan OCBC Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk mengambil langkah-langkah berhubung dengan atau bergantung kepada komunikasi tersebut. Pelanggan bersetuju bahawa OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab dalam sebarang cara untuk sebarang salah guna atau penggunaan tanpa kuasa pesanan atau arahan yang diberi kepada OCBC Bank melalui telefon, faks, pos atau penghantaran atau sebarang kaedah komunikasi lain dan OCBC Bank tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk bertanyakan keesahan pesanan atau arahan yang dihantar atau disampaikan dengan sebarang kaedah atau identiti pemanggil. Pelanggan akan melindungi OCBC Bank dan kekal melindungi OCBC Bank terhadap sebarang ganti rugi, kerugian, kos dan yang mungkin dialami atau ditanggung

oleh OCBC Bank hasil daripada arahan atau notis tersebut yang diambil tindakan oleh OCBC Bank yang didapati tanpa kuasa atau tidak benar atau dipalsukan. OCBC Bank berhak untuk merakam semua perbualan dan arahan telefon dan Pelanggan bersetuju bahawa OCBC Bank berhak menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian. Pelanggan mengakui OCBC Bank hanya perlu melaksanakan arahan menurut amalan perniagaan, tatacara dan dasar yang ditetapkan dan biasa dan seterusnya boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang arahan tanpa sebarang liabiliti kepada Pelanggan. Salinan transmisi faks yang dikatakan ditandatangani oleh Orang Diberi Kuasa Pelanggan disahkan oleh mana-mana pegawai OCBC Bank telah diterima oleh OCBC Bank, akan diterima oleh Pelanggan sebagai muktamad dan konklusif, (termasuk untuk prosiding undang-undang) versi sebenar yang dicetak yang diterima melalui mesin faks OCBC Bank dan akan mengikat Pelanggan.

19. Terma Urus Niaga FX atau Opsyen Mata Wang yang selesai akan disahkan oleh OCBC Bank kepada Pelanggan ("Nasihat Pengesahan") melalui pos, faks atau kaedah elektronik lain tetapi kegagalan atau kelewatan oleh OCBC Bank untuk mengeluarkan Nasihat Pengesahan tidak akan menjejaskan sebarang Urus Niaga FX atau Opsyen Mata Wang yang diselesaikan. Sebarang percanggahan yang dilihat dalam Nasihat Pengesahan mesti disampaikan oleh Pelanggan kepada pegawai diberi kuasa OCBC Bank dengan segera tetapi dalam sebarang keadaan, dalam masa tujuh (7) hari atau tempoh lain yang ditentukan oleh OCBC Bank, berikutan tarikh Nasihat Pengesahan, jika tidak Nasihat Pengesahan tersebut akan dianggap betul, mengikat dan konklusif terhadap Pelanggan. Terma dalam Nasihat Pengesahan, kecuali dipertikaikan oleh Pelanggan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh OCBC Bank, akan diguna pakai jika terdapat sebarang percanggahan atau yang tidak konsisten dengan lembaran tempoh atau dokumen lain menyatakan terma Urus Niaga FX atau Opsyen Mata Wang walaupun penerimaannya tidak diakui Pelanggan atau Pelanggan tidak mengesahkan termannya.

20. Pelanggan akan menghantar amaun mata wang penuh yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada OCBC Bank menurut obligasinya di bawah Perkhidmatan FX menjelang 2.00 petang (atau masa lain yang mungkin ditentukan oleh OCBC) pada Tarikh Nilai. Untuk kontrak pembelian FX oleh Pelanggan, arahan penyelesaian lengkap bertulis, yang ditandatangani oleh Pelanggan, perlu dikemukakan kepada OCBC Bank menjelang 2.00 petang (atau masa lain yang mungkin ditentukan oleh OCBC Bank) pada Tarikh Nilai. Kecuali dipersetujui OCBC Bank sebaliknya, tiada penyelesaian mata wang yang perlu dihantar oleh OCBC Bank di bawah Perkhidmatan FX akan dibuat sebelum penerimaan penuh daripada Pelanggan amaun mata wang yang kena dibayar untuk penyelesaian kepada OCBC Bank. Jika arahan penyelesaian sampai kepada OCBC Bank selepas had masa yang dinyatakan, OCBC Bank hanya akan menghantar dana pada asas usaha terbaik. OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau caj faedah berkaitan dengan penghantaran dana. Semua bayaran yang kena dibayar oleh Pelanggan akan dibuat sepenuhnya tanpa sebarang tolak selesai, penolakan tuntutan silang atau tahanan dana sama sekali.

21. Jika, pada mana-mana tarikh, lebih daripada satu penghantaran mata wang tertentu perlu dibuat antara pihak, maka, OCBC Bank boleh, atas budi bicara mutlaknya memerlukan setiap pihak akan mengagregat amaun mata wang tersebut yang perlu dihantarnya dan hanya perbezaan antara amaun agregat ini akan dihantar oleh pihak yang berhutang agregat amaun yang lebih besar kepada pihak satu lagi, dan jika agregat amaun adalah sama, tiada penghantaran mata wang akan dibuat.

22. OCBC Bank boleh pada bila-bila masa mengenakan had terhadap sebarang Urus Niaga FX di sini, termasuk had terhadap tempoh matang sebarang Urus Niaga FX dan agregat amaun Urus Niaga FX yang buka dan tutup yang tertunggak pada bila-bila masa yang dipilih. Pelanggan bersetuju untuk diikat oleh dan tidak akan melebihi sebarang had yang dikenakan oleh OCBC. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan akan kekal bertanggungjawab kepada OCBC untuk sebarang liabiliti yang dialami oleh Pelanggan melebihi dan di atas had yang ditetapkan oleh OCBC, dan berhubung dengan penganan had.

23. Di mana kerugian dialami, Pelanggan akan membayar OCBC Bank faedah ke atas kerugian tertunggak dari tarikh amaun tersebut dialami pada kadar yang berikut:-

- (i) jika jumlah dalam mata wang selain daripada Ringgit (dan sebelum sebarang penukaran oleh OCBC Bank kepada Ringgit), kadar yang bersamaan kadar yang dikenakan kepada OCBC Bank oleh ejen Nostro masing-masing untuk jumlah relevan (tanpa memerlukan bukti atau bukti kadar);
- (ii) jika jumlah dalam Ringgit (atau selepas penukaran oleh OCBC Bank kepada Ringgit), kadar setahun bersamaan dengan kos (tanpa bukti sebarang kos sebenar) jika OCBC Bank membiayai atau pembiayaan amaun relevan tambah 2% setahun atau pada kadar lain yang dinyatakan oleh OCBC Bank ("Kadar Pemungkiran FX") atas budi bicara mutlaknya (kedua-dua sebelum serta selepas penghakiman atau perintah tuntutan) sebagai ganti rugi jumlah tertentu yang dipersetujui.

24. Jika Pelanggan gagal mengambil atau menyelesaikan Urus Niaga FX pada Tarikh Nilai, OCBC Bank mempunyai hak untuk menyelesaikan Urus Niaga FX pada harga spot lazim pada Tarikh Nilai atau pada mana-mana hari lain yang OCBC Bank boleh tetapkan dan mendebitkan baki kredit untuk menyelesaikan kerugian yang terhasil.

Jika terdapat laba, laba tersebut akan dikreditkan kepada Akaun atau akaun semasa. OCBC Bank tidak mempunyai obligasi untuk memanggil atau menghantar peringatan kepada Pelanggan sebelum tempoh matang sebarang Urus Niaga FX.

### **Peruntukan yang terpakai terhadap Opsyen Mata Wang**

25. Pelanggan boleh melalui Orang Diberi Kuasa membeli daripada atau menjual kepada OCBC Bank Opsyen Jual atau Beli ke atas Mata Wang – Mata Wang (“Opsyen”) sama ada sebagai pembeli (“Pembeli”) atau penjual (“Penjual”) Opsyen, untuk harga pembelian yang dipersetujui (“Premium”), dengan tarikh luput opsyen, pada Harga Laksana dan bagi pembelian atau penjualan kuantiti mata wang yang dipersetujui antara Pelanggan dan OCBC Bank. Premium untuk Opsyen akan dibayar pada tarikh bayaran premium (“Tarikh Bayaran Premium”). Jika mana-mana premium tidak diterima pada Tarikh Bayaran Premium, Penjual boleh memilih sama ada (i) untuk menerima bayaran lewat Premium tersebut; (ii) untuk memberi notis bertulis bayaran tidak dibuat dan, jika bayaran tersebut tidak diterima dalam masa yang dinyatakan dalam notis tersebut, menganggap Opsyen tersebut sebagai tidak sah atau (iii) menganggap bayaran yang tidak dibuat sebagai Kejadian Pemungkiran. Jika Penjual memilih untuk bertindak sama ada di bawah (i) atau (ii), Pembeli akan membayar semua kos perbelanjaan tunai dan ganti rugi sebenar yang ditanggung berhubung dengan Premium yang tidak atau lewat dibayar dan Opsyen tidak sah, termasuk, tanpa had, mengenakan faedah ke atas Premium tersebut dalam mata wang sama seperti Premium tersebut pada Kadar Pemungkiran FX, dan kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Penjual dalam menepati obligasinya (termasuk, tanpa had, lindung nilai delta) berhubung dengan Opsyen tersebut.

#### **26. Pelaksanaan Opsyen:**

- (i) Pembeli Opsyen boleh melaksanakan Opsyen dengan menghantar kepada Penjual notis (“Notis Pelaksanaan”) yang mesti diterima oleh Penjual Opsyen sebelum masa terakhir (“Masa Luput”) pada tarikh luput Opsyen (“Tarikh Luput”) pada mana Penjual mesti menerima Notis Pelaksanaan di bawah kontrak Opsyen Mata Wang. Jika Opsyen tidak dilaksanakan sebelum atau pada Masa Luput, ia akan luput dan terbatal dan tidak berkesan. Sebarang Notis Pelaksanaan akan diterima tidak melebihi Masa Luput yang ditentukan dalam Pengesahan. Opsyen yang dilaksanakan akan diselesaikan pada Tarikh Penyelesaian. Tertakluk kepada (ii) di bawah, pada Tarikh Penyelesaian, Pembeli akan membayar mata wang jual kepada Penjual bagi nilai pada Tarikh Penyelesaian dan Penjual akan membayar mata wang beli kepada Pembeli bagi nilai pada Tarikh Penyelesaian.
- (ii) Opsyen akan diselesaikan pada Amaun Berwang jika dipersetujui OCBC Bank dan Pelanggan pada masa Opsyen tersebut dimasuki. Dalam kes tersebut, Amaun Berwang akan ditentukan berdasarkan Harga Spot pada masa pelaksanaan atau masa terdekat selepasnya. Obligasi tunggal pihak berhubung dengan Opsyen tersebut adalah untuk menghantar atau menerima Amaun Berwang Opsyen tersebut pada Tarikh Penyelesaian.
- (iii) OCBC Bank akan menentukan sebarang kadar, tahap indeks atau harga pasaran pada masa atau tempoh tertentu dengan niat baik dan menurut amalan am yang diterima di pasaran relevan, dan penentuan tersebut adalah konklusif dan mengikat Pelanggan jika tiada kesilapan jelas.
- (iv) Kecuali dipersetujui sebaliknya oleh OCBC Bank, Opsyen hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya.

#### **27. Pelepasan atau Penamatan Opsyen**

Kecuali dipersetujui sebaliknya, sebarang Opsyen Beli atau Opsyen Jual yang ditulis oleh OCBC Bank atau Pelanggan akan automatik ditamatkan secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, yang mana terpakai, terhadap Opsyen Beli atau Opsyen Jual, yang ditulis oleh pihak yang satu lagi, penamatan dan pelepasan berlaku dengan automatik, apabila bayaran sepenuhnya dibuat terhadap Premium terakhir yang perlu dibuat ke atas Opsyen tersebut: dengan syarat penamatan dan pelepasan tersebut hanya boleh berlaku jika berhubung dengan Opsyen:-

- (a) setiap satu berhubung dengan Mata Wang Jual dan Mata Wang Beli yang sama;
- (b) setiap satu mempunyai Tarikh Luput dan Masa Luput dan Harga Laksana yang sama;
- (c) setiap satu dalam gaya yang sama, iaitu Opsyen Gaya Amerika atau Opsyen Gaya Eropah; dan
- (d) tiada mana-mana satu telah dilaksanakan dengan penghantaran Notis Pelaksanaan;

dan, apabila berlaku penamatan dan pelepasan tersebut, tiada pihak akan mempunyai obligasi lanjut kepada Pihak yang satu lagi berhubung dengan Opsyen atau bahagiannya yang ditamatkan atau dilepaskan. Dalam kes separa penamatan dan pelepasan (iaitu di mana Opsyen relevan adalah untuk amaun berbeza Pasangan Mata Wang), baki bahagian Opsyen yang separa dilepaskan dan ditamatkan masih kekal sebagai Opsyen bagi semua tujuan Perjanjian ini, termasuk Klausula ini.

#### **28. Penyelesaian Bayaran**

- (i) Sentiasa tertakluk kepada sebarang sekatan oleh Bank Negara Malaysia, jika pada mana-mana tarikh, dan kecuali dipersetujui bersama sebaliknya antara OCBC Bank dan Pelanggan, Premium perlu dibayar di sini dalam mata wang yang sama antara pihak, kemudian, pada tarikh tersebut, obligasi setiap pihak untuk

membuat bayaran Premium demikian akan diselesaikan dan dilepaskan secara automatik dan, jika agregat Premium yang sebaliknya perlu dibayar oleh satu pihak melebihi agregat Premium yang perlu dibayar oleh pihak yang satu lagi, diganti dengan obligasi ke atas pihak yang patut membayar agregat Premium yang lebih besar untuk membayar pihak yang satu lagi lebihan antara agregat Premium yang lebih besar berbanding agregat Premium yang lebih kecil.

- (ii) Sentiasa tertakluk kepada sebarang sekatan oleh Bank Negara Malaysia terhadap penyelesaian bayaran, jika pada mana-mana tarikh, dan kecuali dipersetujui sebaliknya oleh pihak, amaun selain daripada bayaran Premium yang perlu dibayar di sini dalam mata wang yang sama antara pihak, maka, pada tarikh tersebut, obligasi setiap pihak untuk membuat bayaran sebarang amaun akan diselesaikan dan dilepaskan secara automatik dan, jika agregat amaun yang perlu dibayar oleh satu pihak melebihi agregat amaun yang perlu dibayar oleh pihak yang satu lagi, diganti dengan obligasi ke atas pihak yang perlu membayar agregat amaun yang lebih besar untuk membayar pihak yang satu lagi lebihan antara agregat amaun yang lebih besar berbanding agregat amaun yang lebih kecil.

## 29 Pemungkiran

29.1 Jika Kejadian Pemungkiran berlaku dan masih berterusan, pihak yang bukan mungkir ("Pihak Bukan Mungkir") akan mempunyai hak untuk membubarkan dan/atau dianggap membubarkan kesemua, tetapi tidak kurang daripada semua (kecuali setakat yang pada pendapat Pihak bukan mungkir, Opsyen tertentu tidak boleh dibubar di bawah undang-undang terpakai), Opsyen tertunggak melalui notis kepada Pihak yang mungkir. Pembubaran atau pembubaran dianggap demikian akan dilaksanakan dengan:-

- (i) menyelesaikan setiap Opsyen pada masa pembubaran supaya setiap Opsyen dibatalkan dan ganti rugi pasaran bagi setiap pihak dikira bersamaan dengan agregat (a) berhubung dengan setiap opsyen yang dibeli oleh Pihak Bukan Mungkir, premium pasaran semasa bagi Opsyen sedemikian, (b) berhubung dengan setiap Opsyen yang dijual oleh Pihak Bukan Mungkir, sebarang Premium belum dibayar dan, setakat mana dibenarkan oleh undang-undang terpakai, faedah ke atas mana-mana Premium belum dibayar dalam mata wang sama seperti Premium pada kadar yang dinyatakan dalam Klausula 34 atau kadar lain yang dinyatakan oleh pihak bukan mungkir, (c) berhubung dengan sebarang Opsyen yang telah dilaksanakan, sebarang amaun belum dibayar yang perlu dibayar untuk menyelesaikan Opsyen tersebut, dan, setakat mana dibenarkan oleh undang-undang terpakai, faedah ke atasnya dari Tarikh Penyelesaian sehingga hari penyelesaian pada kadar yang dinyatakan dalam Klausula 34 atau kadar lain yang dinyatakan oleh Pihak Bukan Mungkir (d) sebarang kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Bukan Mungkir dalam menepati obligasinya (termasuk lindung nilai delta) berhubung dengan Opsyen tersebut, kesemuanya seperti mana ditetapkan oleh Pihak Bukan Mungkir.
- (ii) Pihak Bukan Mungkir mempunyai hak untuk menukar sebarang ganti rugi yang dikira menurut subklausula (i) di atas menjadi mata wang lain ("Mata Wang Terpilih") pada kadar pertukaran yang dapat diperolehi oleh Pihak bukan mungkir pada masa pertukaran tersebut;
- (iii) menyelesaikan bayaran ganti rugi sedemikian berhubung dengan setiap pihak supaya semua amaun sedemikian diselesaikan menjadi amaun ditentukan tunggal yang perlu dibayar oleh satu pihak kepada pihak satu lagi sebagai bayaran penyelesaian;
- (iv) menolak selesai bayaran bersih yang dikira menurut subklausula (iii) di atas yang dihutang oleh Pihak Bukan Mungkir kepada pihak yang mungkir, pada pilihan Pihak Bukan Mungkir, sebarang margin atau cagaran lain ('margin') yang dipegang oleh Pihak Bukan Mungkir (termasuk nilai ditentukan sebarang margin bukan tunai) berhubung dengan obligasi Pihak yang mungkir terhadap bayaran bersih yang dikira menurut subklausula (iii) di atas yang dihutang oleh Pihak yang mungkir kepada Pihak Bukan Mungkir, pada pilihan Pihak Bukan Mungkir, sebarang margin yang dipegang oleh Pihak yang mungkir (termasuk nilai ditentukan sebarang margin bukan tunai) berhubung dengan obligasi Pihak Bukan Mungkir di sini, dengan syarat, bagi tujuan tolak selesai demikian, sebarang margin yang dalam denominasi mata wang yang berbeza boleh ditukar oleh OCBC Bank menjadi Mata Wang Terpilih.

29.2 Amaun bersih yang perlu dibayar oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi menurut **Klausula 30.1** (i) di atas akan dibayar menjelang akhir perniagaan pada Hari Perniagaan berikutan pembubaran dan/atau pembubaran dianggap semua Opsyen demikian (ditukar menjadi sebarang mata wang lain, sebarang kos penukaran akan ditanggung oleh, dan ditolak daripada sebarang bayaran kepada Pihak yang mungkir). Setakat mana dibenarkan undang-undang terpakai, sebarang amaun yang perlu dibayar tetapi tidak dibayar apabila perlu di bawah Klausula ini akan dikenakan faedah pada kadar yang ditentukan dalam Klausula 34 atau kadar lain yang ditetapkan oleh Pihak Bukan Mungkir bagi setiap hari di mana amaun tersebut masih tidak dibayar.]

29.3 Tanpa prejudis kepada yang sebelumnya, selama satu pihak masih mungkir bayaran atau pelaksanaan kepada pihak yang satu lagi di sini atau di bawah sebarang Opsyen dan Pihak Bukan Mungkir belum

melaksanakan haknya di bawah **Klausula 30** ini atau semasa tempoh permohonan munasabah kepada satu pihak untuk jaminan mencukupi akan keupayaannya melaksanakan obligasinya di sini atau di bawah sebarang Opsyen, pihak yang satu lagi boleh, atau pilihannya dan tanpa penalti, menggantung obligasinya untuk bertindak di sini atau di bawah sebarang Opsyen.

- 29.4 Pihak yang diperlukan membuat bayaran kepada pihak yang satu lagi menurut **Klausula 30** ini akan membayar pihak yang satu lagi semua perbelanjaan tunai yang ditanggung oleh pihak yang satu lagi tersebut (termasuk yuran guaman dan bayaran keluar atas dasar indemnitati penuh) berhubung dengan sebarang prosiding penguatkuasaan berkaitan dengan bayaran yang diperlukan tersebut.
- 29.5 Pihak bersetuju bahawa amaun yang boleh pulih di bawah **Klausula 30** ini adalah pra-anggaran munasabah kerugian dan bukan penalti. Amaun tersebut perlu dibayar untuk kerugian tawaran dan kehilangan perlindungan terhadap risiko masa hadapan dan, kecuali diperuntukkan sebaliknya di bawah terma dan syarat ini, tiada mana pihak akan berhak mendapat sebarang ganti rugi tambahan hasil daripada kerugian tersebut.
- 29.6 Pihak Bukan Mungkir akan mempunyai hak secara am untuk penolakan selesai berhubung dengan semua amaun yang terhutang oleh setiap pihak kepada pihak yang satu lagi, sama ada kena dibayar atau tidak (dengan syarat sebarang amaun yang tidak kena dibayar pada masa penolakan selesai tersebut akan didiskaunkan untuk memberi nilai kini dalam cara munasabah komersil oleh Pihak Bukan Mungkir).
30. **Definisi**
- (i) "**Opsyen Gaya Amerika**" ertinya Opsyen yang boleh dilaksanakan pada mana-mana Hari Perniagaan dalam tempoh dari dan termasuk tarikh OCBC Bank dan Pelanggan memasuki Opsyen sehingga dan termasuk Masa Luput. Kecuali ditentukan sebaliknya dalam Pengesahan, Notis Pelaksanaan Opsyen Gaya Amerika jika diterima sebelum jam 2.00 petang pada Hari Perniagaan, menjadi efektif apabila diterima oleh Penjual dan jika diterima selepas jam 2.00 petang, menjadi efektif hanya pada Hari Perniagaan berikut;
- (ii) "**Hari Perniagaan**" ertinya hari pada mana bank komersil dan OCBC Bank dibuka di negeri di mana tempat perniagaan OCBC Bank berada pada mana urus niaga atau perniagaan bersifat yang diperlukan atau difikirkan dalam surat ini dijalankan dan di dalam negara mata wang yang ditentukan Kemudahan FX. Jika sebarang tarikh pada mana pembayaran perlu dibayar bukan Hari Perniagaan, maka bayaran akan dibuat pada Hari Perniagaan berikut.
- (iii) "**Beli**" ertinya Opsyen yang memberi hak, tetapi tidak mewajibkan, Pembeli untuk membeli daripada Penjual pada Harga Laksana kuantiti ditentukan mata wang beli;
- (iv) "**Pasangan Mata Wang**" ertinya dua mata wang dengan potensi ditukar apabila Opsyen dilaksanakan, satu antaranya akan menjadi mata wang jual dan yang satu lagi mata wang beli;
- (v) "**Amaun Berwang**" ertinya (a) dalam kes Beli, lebih Harga Spot berbanding Harga Laksana, digandakan dengan amaun agregat mata wang beli yang akan dibeli di bawah Beli tersebut, di mana kedua-dua harga disebut berdasarkan amaun mata wang jual yang akan dibayar untuk satu unit mata wang beli; dan (ii) dalam kes Jual, lebih Harga Laksana berbanding Harga Spot, digandakan dengan amaun agregat mata wang jual yang akan dijual di bawah Jual, di mana kedua-dua harga disebut berdasarkan amaun mata wang beli yang akan dibayar untuk satu unit mata wang jual;
- (vi) "**Opsyen Gaya Eropah**" ertinya Opsyen untuk mana Notis Pelaksanaan boleh diberi hanya pada Tarikh Luput Opsyen sehingga dan termasuk Masa Luput, kecuali dipersetujui sebaliknya;
- (vii) "**Surat**" ertinya surat daripada Pelanggan kepada OCBC Bank untuk memasuki kontrak/urus niaga pertukaran asing (termasuk kontrak niaga hadapan tidak dihantar) dan opsyen mata wang ("Kemudahan FX") tertakluk kepada terma dan syarat terkandung di sini dan dalam Surat yang relevan.
- (viii) "**Jual**" ertinya Opsyen yang memberi hak, tetapi tidak mewajibkan, Pembeli untuk menjual kepada Penjual pada Harga Laksana, kuantiti ditentukan Mata Wang Jual;
- (ix) "**Tarikh Penyelesaian**" berhubung dengan: (a) Opsyen Gaya Amerika, Tarikh Spot Pasangan Mata Wang pada tarikh Notis Pelaksanaan diterima oleh Penjual Opsyen tersebut; dan (b) Opsyen Gaya Eropah, Tarikh Spot Pasangan Mata Wang pada Tarikh Luput Opsyen tersebut;
- (x) "**Tarikh Spot**" ertinya hari penghantaran spot bagi Pasangan Mata Wang relevan yang lazimnya digunakan oleh pasaran pertukaran asing;
- (xi) "**Harga Spot**" ertinya harga pada masa harga tersebut perlu ditentukan bagi urus niaga pertukaran asing dalam Pasangan Mata Wang relevan untuk nilai pada Tarikh Spot, seperti mana ditentukan oleh OCBC Bank;
- (xii) "**Harga Laksana**" ertinya harga yang ditentukan dalam Pengesahan pada mana Pasangan Mata Wang boleh ditukar.



## **TERMA DAN SYARAT – KONTRAK PERTUKARAN ASING SPOT (SECARA ISLAM)**

1. Pelanggan boleh, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di sini, dari masa ke masa membuat permintaan kepada OCBC Al-Amin Bank (“Permintaan”) untuk membeli daripada dan/atau menjual mata wang asing kepada Bank pada tarikh spot (“Tarikh Nilai”) pada kadar pertukaran yang dipersetujui antara Bank dan Pelanggan berdasarkan prinsip Syariah Bai Al-Sarf (“Urus Niaga FX-i”). Pelanggan bersetuju bahawa Permintaan yang dibuat oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada terma dan syarat ini, terma yang dinyatakan dalam Permintaannya dan turut tertakluk kepada kadar pasaran pertukaran asing lazim dan ketersediaan mata wang yang diminta oleh Pelanggan, dan akan dikawal

oleh undang-undang Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada peraturan dan pengawalan berkenaan kawalan pertukaran.

2. Pelanggan membenarkan OCBC Al-Amin Bank untuk membuka dan mengekalkan akaun semasa pada namanya ("Akaun"). Pelanggan akan memberi dokumen dan maklumat termasuk resolusi lembaga pengarahnya dan senarai orang yang diberi kuasa ("Orang Diberi Kuasa") seperti mana diperlukan oleh OCBC Al-Amin Bank untuk melaksanakan Urus Niaga FX-i. Pelanggan akan memaklumkan kepada OCBC Al-Amin Bank tentang sebarang perubahan lanjut dalam Orang Diberi Kuasa dengan syarat perubahan demikian akan berkuat kuasa terhadap OCBC Al-Amin Bank hanya apabila diterima oleh OCBC Al-Amin Bank.

3. Yang berikut ialah Kejadian Pemungkiran yang terpakai ke atas Urus Niaga FX-i:-

(a) Pelanggan gagal membayar sebarang amaun yang kena dibayar pada masa itu, dalam mata wang dan/atau cara yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin Bank atau gagal melakukan atau memungkirinya atau mematuhi sebarang obligasi di bawah mana-mana Urus Niaga FX-i atau terdapat sebarang pelanggaran mana-mana terma dan syarat atau representasi atau waranti;

(b) Pemungkiran berlaku pada pembayaran pada tarikh kena dibayar sebarang wang yang kena dibayar kepada OCBC Al-Amin Bank;

(c) prosiding penggulungan/kebankrapan atau prosiding lain akan dimulakan terhadap Pelanggan atau pemegang amanah, penerima, dan/atau pengurus, pembubar, telah atau akan dilantik ke atas Pelanggan atau sebarang tindakan korporat untuk memberi kuasa kepada mana-mana yang sebelumnya diambil;

(d) Pelanggan melanggar sebarang perjanjian lain atau memungkirinya pembayaran sebarang jumlah tertunggak yang terhutang kepada OCBC Al-Amin Bank atau kepada mana-mana institusi kewangan;

(e) jika Pelanggan atau mana-mana pengarah utamanya meninggal atau menjalankan hukuman penjara atau menjadi kurang siaman atau dijadikan bankrap atau jika sebarang prosiding undang-undang atau sebarang tindakan (sama ada jenayah atau sivil) dimulakan terhadap mana-mana satu daripada mereka;

(f) sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan terpakai yang menjadikannya mustahil atau melanggar undang-undang jika OCBC Al-Amin Bank atau Pelanggan meneruskan Urus Niaga FX-i atau jika Pelanggan menggadai atau memberi Akaun sebagai cagaran;

(g) sebarang penghakiman yang diperolehi terhadap Pelanggan masih tidak diselesaikan bagi tempoh selama tujuh (7) hari atau jika penahanan distres atau pelaksanaan lain dikenakan atau dikuatkuasakan atau dikeluarkan terhadap Pelanggan atau terhadap mana-mana satu hartanah Pelanggan atau Akaun dan tidak dilepaskan dalam masa empat belas (14) hari;

(h) atas sebarang sebab OCBC Al-Amin Bank menganggap sebarang perubahan material buruk dalam aset, kedudukan kewangan Pelanggan atau dalam ekonomi secara am yang menjadikannya tidak diinginkan bagi OCBC Al-Amin Bank meneruskan perkhidmatan Urus Niaga FX-i;

(i) jika mana-mana Pelanggan melanggar sebarang representasi, waranti, terma atau syarat di sini atau dokumen sekuriti atau jika sebarang maklumat yang diberi oleh Pelanggan kepada OCBC Al-Amin Bank salah atau tidak lengkap; atau

(j) apabila OCBC Al-Amin Bank menerima notifikasi daripada DCHEQS bahawa Pelanggan telah disenarai hitam.

4. Jika Kejadian Pemungkiran telah berlaku atau jika pada pendapat OCBC Al-Amin Bank (yang mutlak), sebarang Urus Niaga FX-i mungkin melanggar sebarang peruntukan undang-undang, peraturan dan pengawalan berhubung dengan pertukaran asing (termasuk notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing ("Peraturan FEA")), OCBC Al-Amin Bank akan berhak melaksanakan hak berikut:

(a) membatalkan Urus Niaga FX-i, yang kemudiannya baki tertunggak akan menjadi kena dibayar dan perlu dibayar dengan segera;

(b) membatalkan dan menutup semua Urus Niaga FX-i yang tertunggak ketika itu berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin Bank ("Tarikh Penamatan Awal"). OCBC Al-Amin Bank akan membuat kiraan dan memberi Pelanggan penyata yang menyatakan amaun yang perlu dibayar berhubung dengan Urus Niaga FX-i yang ditutup. Sebarang amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada OCBC Al-Amin Bank berhubung dengan Urus Niaga FX-i yang ditutup termasuk kehilangan tawaran, kos pembiayaan, kerugian dinilai menurut pasaran atau kos yang ditanggung hasil daripada menamat, menutup, membubar, memperoleh atau menubuh semula sebarang lindung nilai atau posisi dagangan berkaitan akan dibayar oleh Pelanggan.

Pelanggan memberi kuasa secara tidak boleh batal kepada OCBC Al-Amin Bank untuk mendebitkan Baki Kredit dalam Akaun untuk menyelesaikan semua wang yang terhutang daripada Pelanggan di bawah Urus Niaga FX-i dan mana-mana liabiliti lain Pelanggan yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Jika Baki Kredit tidak mencukupi untuk menyelesaikan amaun yang terhutang di bawah Urus Niaga FX-i, Pelanggan akan, apabila dituntut oleh OCBC Al-Amin Bank, membayar kekurangan.

5. OCBC Al-Amin Bank mempunyai hak untuk menyemak, menukar atau mengenakan terma tambahan, menggantung dan/atau membatalkan Urus Niaga FX-i pada bila-bila masa tidak kira sama ada Kejadian Pemungkiran telah berlaku

dan tiada apa dalam terma dan syarat ini akan dianggap sebagai mengenakan ke atas OCBC Al-Amin Bank sebarang obligasi sama ada di bawah undang-undang atau ekuiti untuk meneruskan perkhidmatan Urus Niaga FX-i.

6. OCBC Al-Amin Bank boleh memindah hak semua atau sebahagian daripada hak, manfaat atau obligasinya di sini. Pelanggan tidak boleh tanpa persetujuan OCBC Al-Amin Bank, memindah hak atau memindahkan mana-mana hak atau obligasinya di sini.

7. Penyata, sijil atau pengesahan OCBC Al-Amin Bank yang dikeluarkan oleh OCBC Al-Amin Bank tentang amaun yang pada bila-bila masa kena dibayar daripada Pelanggan, termasuk pengiraan OCBC Al-Amin Bank berkenaan kerugian dinilai menurut pasaran ke atas Urus Niaga FX-i adalah, tanpa kesilapan jelas, muktamad dan konklusif dan mengikat bagi semua tujuan terhadap Pelanggan.

8. Pelanggan akan menjamin dan terus menjamin OCBC Al-Amin Bank terhadap sebarang ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran undang-undang atas asas penguaman cara dan anak guam sendiri) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh OCBC Al-Amin Bank yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, termasuk penggunaan Urus Niaga FX-i oleh Pelanggan.

9. Tertakluk kepada arahan nyata Pelanggan (jika ada) mengehadkan pendedahan, Pelanggan bersetuju secara tidak boleh batal dan memberi kuasa kepada OCBC Al-Amin Bank dan pegawainya untuk mendedahkan keadaan kewangan Pelanggan, butiran akaunnya, hubungan akaun dengan OCBC Al-Amin Bank, terma Urus Niaga FX-i, sekuriti yang diberi kepada OCBC Al-Amin Bank kepada kelas orang yang berikut:-

(i) pemproses data atau pembekal perkhidmatan OCBC Al-Amin Bank, kedua-dua di dalam dan luar Malaysia, yang diambil untuk menjalankan fungsi dan aktiviti OCBC Al-Amin Bank;

(ii) syarikat yang berkaitan dengan OCBC Al-Amin Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau syarikat berkaitan OCBC Al-Amin Bank (OCBC Al-Amin Bank bersama dengan syarikat berhubung/berkaitan tersebut secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan OCBC"), penerima serah hak dan pengganti dalam hak milik mereka;

(iii) badan kawal selia, agensi kerajaan, badan berkuasa percukaian, polis, badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, kedua-dua di dalam dan luar Malaysia;

(iv) bank atau institusi kewangan lain termasuk Cagamas Berhad dan Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad, syarikat takaful cagaran dan mana-mana syarikat takaful semula (di dalam atau luar Malaysia);

(v) biro kredit, agensi pelaporan kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tendang dan pertubuhan yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan memberi maklumat kredit;

(vi) pihak sekuriti dan pihak ketiga yang ingin menyelesaikan hutang anda;

(vii) ejen pengutipan hutang, peguam, kustodian dan syarikat penama;

(viii) ejen diberi kuasa dan pengganti dalam hak milik anda;

(ix) penerima serah hak atau pembeli OCBC Al-Amin Bank, penerima serah hak potensi atau pembeli dan pengganti hak milik; dan

(x) orang atau badan kepada mana OCBC Al-Amin Bank perlu mendedahkan di bawah undang-undang.

10. Pelanggan memberi persetujuan secara tidak boleh batal kepada agensi pelaporan kredit relevan (seperti mana ditakrifkan dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010) ("CRA") dengan mana OCBC Al-Amin Bank menjalankan semakan kredit ke atas Pelanggan untuk mendedahkan laporan kredit Pelanggan atau maklumat kredit kepada OCBC Al-Amin Bank bagi tujuan melanggan atau memohon produk dan perkhidmatan OCBC Al-Amin Bank dan untuk pengurusan risiko dan semakan OCBC Al-Amin Bank. OCBC Al-Amin Bank diberi kuasa tetapi tidak mempunyai obligasi, untuk menyampaikan persetujuan Pelanggan kepada pendedahan tersebut dan tujuan pendedahan tersebut kepada agensi pelaporan kredit relevan.

11. Pelanggan menjamin dan menyatakan kepada OCBC Al-Amin Bank bahawa Pelanggan telah mendapat persetujuan pengarah, pengurus, pegawai dan pemegang saham relevan kami (jika Pelanggan ialah syarikat) dan rakan kongsi lain (jika Pelanggan ialah perkongsian), pihak sekuriti (jika ada) dan pengarah, pengurus, pegawai dan pemegang saham relevan pihak sekuriti untuk Urus Niaga FX-i (i) untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada OCBC Al-Amin Bank; (ii) untuk pengesahan data peribadi mereka oleh OCBC Al-Amin Bank dengan sumber pihak ketiga seperti agensi pelaporan kredit, Suruhanjaya Syarikat atau Jabatan Insolvensi dan bagi CRA relevan untuk mendedahkan laporan/maklumat kredit kepada OCBC Al-Amin Bank bagi tujuan memohon Kemudahan FX-i termasuk produk dan perkhidmatan lain dan untuk pengurusan risiko dan semakan; (iii) bagi OCBC Al-Amin Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga yang dinyatakan dalam Dasar Privasi OCBC Al-Amin Bank. Pelanggan telah memaklumkan kepada mereka untuk membaca Dasar Privasi OCBC Al-Amin Bank yang dipaparkan dalam laman web OCBC Al-Amin Bank dan boleh diperolehi di cawangan OCBC Al-Amin Bank atas permintaan.

12. Pelanggan menyatakan dan menjamin kepada OCBC Al-Amin Bank bahawa urusan niaga dagangan sandaran tidak melanggar Akta Dagangan Strategik 2010, seperti mana dipindah atau ditambah dari masa ke masa dan peraturan/perintah yang dikeluarkan di bawah Akta ("STA") dan semua permit, lesen, pendaftaran dan kelulusan yang perlu di bawah STA untuk urusan niaga dagangan Pelanggan telah atau akan diperolehi dan berkuat kuasa sepenuhnya dan akan apabila diminta oleh OCBC Al-Amin Bank, dikemukakan kepada OCBC Al-Amin Bank.

13. Pelanggan akan membayar OCBC Al-Amin Bank semua kos urusan niaga, premium, yuran, caj dan komisen berhubung dengan Urus Niaga FX-i (tanpa tolakan, tolak selesai atau tahanan) dan boleh ditolak oleh OCBC Al-Amin Bank daripada akaun semasa. Bayaran kepada OCBC Al-Amin Bank adalah bebas daripada cukai barangan, jualan dan perkhidmatan, atau sebarang cukai serupa yang jika perlu dibayar akan ditanggung oleh Pelanggan.

14. Jika sebarang tolakan atau tahanan ke atas mana-mana amaun yang perlu dibayar kepada Pelanggan diperlukan menurut undang-undang seperti cukai tertahan persekutuan A.S. yang dikenakan atau dikutip menurut Seksyen 1471 hingga 1474 Kod Hasil Dalam Negeri A.S. 1986 ("Cukai Tahanan FATCA"), seperti mana dipinda dari masa ke masa, OCBC Al-Amin Bank akan menahan atau menolak daripada sebarang bayaran yang perlu dibayar kepada Pelanggan dan/atau mendebitkan akaun Pelanggan, dan membayar kepada pihak berkuasa relevan amaun penuh yang perlu ditolak atau ditahan, DENGAN SYARAT jika terdapat kekurangan bayaran kepada pihak berkuasa relevan, Pelanggan hendaklah apabila dituntut dengan segera membayar baki penuh kepada OCBC Al-Amin Bank dan Klausula 23 akan terpakai ke atas sebarang baki tertunggak daripada Pelanggan dari tarikh tuntutan hingga tarikh pembayaran penuh.

15. Semua Urus Niaga FX-i akan dilakukan oleh Pelanggan dengan membuat Permintaannya kepada OCBC Al-Amin Bank melalui telefon atau kaedah lain yang dibenarkan oleh OCBC Al-Amin Bank pada mana-mana Hari Perniagaan. Di mana saluran dagangan elektronik tersedia untuk Pelanggan, Urus Niaga FX-i boleh dibuat selaras dengan tatacara yang mengawal dagangan elektronik. Setiap permintaan adalah tidak boleh batal. OCBC Al-Amin Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) mematuhi mana-mana permintaan. Setelah terma Urus Niaga FX-i dipersetujui antara OCBC Al-Amin Bank dan Orang Diberi Kuasa Pelanggan, sama ada melalui telefon atau saluran dagangan elektronik atau kaedah dibenarkan lain, kontrak yang mengikat akan berkuat kuasa pada masa tersebut. Kadar spot Urus Niaga FX-i akan tertakluk kepada kadar pasaran pertukaran asing lazim (seperti mana ditetapkan oleh OCBC Al-Amin Bank) dan ketersediaan mata wang. OCBC Al-Amin Bank akan dijamin sepenuhnya oleh Pelanggan terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan semua liabiliti lain yang mungkin ditanggung atau dialami dalam menerima dan bertindak terhadap komunikasi tersebut. OCBC Al-Amin Bank berhak merakam semua perbualan dan arahan melalui telefon. OCBC Al-Amin Bank berhak menggunakan rakaman dan transkrip tersebut dalam sebarang pertikaian.

16. Pelanggan akan menghormati Urus Niaga FX-i pada tarikh di mana Pelanggan bertanggungjawab secara kontrak untuk menyelesaikan obligasinya di bawah Urus Niaga FX-i ("Tarikh Nilai"). OCBC Al-Amin Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau caj hasil daripada sebarang kelewatan dalam penerimaan dana. Pelanggan akan menanggung semua kos, perbelanjaan dan caj berkaitan dengan sebarang penghantaran dana.

17. Pelanggan mengesahkan, mengakui dan menjamin bahawa:-

(i) ia bertindak sebagai pihak utama untuk akaun sendiri dan memahami dan menerima terma, syarat dan risiko Urus Niaga FX-i bergantung kepada pertimbangan sendiri dan penilaian bebas;

(ii) ia akan mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing ("Notis Peraturan FEA") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke masa dan akan memberi maklumat sokongan dan/atau dokumentasi untuk mematuhi Notis Peraturan FEA;

(iii) Urus niaga FX-i adalah untuk melindungi nilai terhadap pendedahan pertukaran asing berhubung dengan urusan niaga/dagangan sandaran dan bukan untuk tujuan spekulasi. Pelanggan akan memberi semua dokumen/bukti urusan niaga/dagangan sandaran sebagaimana dan apabila diperlukan;

(iv) walaupun OCBC Al-Amin Bank boleh memberi Pelanggan akses kepada syor dan penyelidikan berhubung dengan mata wang, termasuk bagaimana hendak melabur, apa atau bila hendak membeli atau menjual, OCBC Al-Amin Bank tidak menyatakan bahawa syor demikian sesuai bagi Pelanggan dan semua pesanan dibuat dan Urus Niaga FX-i dimasuki atas tanggungjawab dan risiko tunggal Pelanggan bergantung kepada pertimbangan sendiri dan berasaskan penilaian bebasnya akan kesesuaian syor demikian;

(v) OCBC Al-Amin Bank tidak bertindak sebagai fidusiar atau penasihat kepada Pelanggan dan tidak mewakili diri sebagai menasihati atau mana-mana pekerja atau ejennya sebagai mempunyai kuasa untuk menasihati Pelanggan untuk memasuki sebarang Urus Niaga FX-i atau sebarang tindakan susulan dan tiada antara syor atau nasihatnya akan diambil sebagai kepastian atau jaminan tentang keputusan yang dijangkakan daripada mana-mana Urus Niaga FX-i;

(vi) OCBC Al-Amin Bank tidak mempunyai sebarang tanggungjawab atau liabiliti sama sekali berhubung dengan sebarang nasihat yang diberi atau pendapat yang disuarakan olehnya atau mana-mana antara orang tersebut kepada Pelanggan, sama ada atau tidak nasihat tersebut diberi atau disuarakan atas permintaan Pelanggan; dan

(vii) Pelanggan tidak menerima daripada OCBC Al-Amin Bank, atau mana-mana pekerja atau ejen sebarang kepastian atau jaminan tentang keputusan yang dijangkakan daripada mana-mana Urus Niaga FX-i.

(viii) **Risiko Mata Wang:** Turun naik kadar mata wang asing mempunyai impak ke atas keuntungan/kerugian dan pelaburan kewangan di mana kontrak kewangan atau perbendaharaan atau urus niaga derivatif kewangan dalam denominasi mata wang asing atau dalam mata wang lain daripada pelaburan kewangan asal. Risiko ini akan dijelaskan di bawah kerugian pertukaran.

(ix) **Risiko Pasaran:** Pembayaran dan/atau penerimaan Pelanggan dalam sebarang Urus Niaga FX-i berkait dengan perubahan dalam nilai kadar pertukaran asing. Perubahan demikian, yang mungkin berlaku dengan tiba-tiba dan besar, boleh menyebabkan Pelanggan mengalami kerugian signifikan dalam 1) amaun yang dibayar di bawah terma urus niaga melebihi amaun yang diterima, dan 2) amaun yang mungkin ditanggung Pelanggan untuk mengurai sebarang Urus Niaga FX-i sebelum tempoh matang yang dinyatakan.

(x) **Risiko Kredit:** OCBC Al-Amin Bank boleh, di bawah keadaan tertentu, gagal melaksanakan obligasi kami kepada Pelanggan apabila perlu.

(xi) **Risiko Kecairan** ialah risiko yang disebabkan keadaan pasaran lazim ia mungkin tidak dapat membubarkan atau menilai nilai saksama posisi Pelanggan. Tambahan lagi, Pelanggan patut sedar bahawa operasi peraturan pertukaran atau sebarang kegagalan tenaga atau sistem menjejaskan kemudahan dagangan elektronik boleh, dalam keadaan tertentu, menyekat atau menghalang OCBC Al-Amin Bank daripada membubarkan atau melaksanakan sebarang urus niaga, dengan itu meningkatkan kebarangkalian kerugian.

(xii) **Percanggahan Kepentingan:** OCBC Al-Amin Bank memainkan pelbagai peranan berhubung dengan sebarang Urus Niaga FX-i yang akan dilaksanakan termasuk bertindak sebagai Ejen Pengiraan dan melindungi nilai obligasinya di bawah urus niaga tersebut. OCBC Al-Amin Bank dan/atau mana-mana syarikat berkaitannya, dalam urusan biasa perniagaannya, boleh juga melaksanakan urus niaga untuk akaun mereka sendiri atau untuk akaun pelanggan mereka. Dalam menjalankan perniagaan demikian, sama ada OCBC Al-Amin Bank atau mana-mana syarikat berkaitannya tidak diwajibkan mengambil kira keadaan Pelanggan atau bertindak dalam cara yang memihak Pelanggan. Pelanggan patut sedar bahawa aktiviti demikian boleh, atau mungkin tidak menjejaskan nilai urus niaga dan percanggahan boleh timbul.

(xiii) **Risiko Selanjutnya dan Pengakuan:** Hanya Pelanggan sendiri bertanggungjawab untuk memantau prestasi dan kewajaran berterusan kontrak tertunggaknya.

18. Tanpa prejudis kepada sifat umum yang sebelumnya, OCBC Al-Amin Bank berhak, berhubung dengan Urus Niaga FX-i, untuk bergantung kepada dan bertindak terhadap sebarang notis atau arahan berasaskan tandatangan yang berupa kepada OCBC Al-Amin Bank, dengan merujuk kepada nama dan tandatangan orang tersebut, yang difailkan dengan OCBC Al-Amin Bank, seperti tandatangan:

(i) mana-mana antara Orang Diberi Kuasa Pelanggan; atau

(ii) mana-mana antara orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mengeluarkan sebarang notis (termasuk notis pertukaran Orang Diberi Kuasa) atau sebarang arahan sama sekali, tanpa pertanyaan pada pihak OCBC Al-Amin Bank tentang identiti orang yang memberi atau dikatakan memberi notis atau arahan demikian atau keesahan arahan atau notis tersebut. OCBC Al-Amin Bank berhak menganggap semua arahan atau notis yang diberi sedemikian, sebagai mengikat Pelanggan dan OCBC Al-Amin Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk mengambil langkah-langkah berhubung dengan atau bergantung kepada komunikasi tersebut. Pelanggan bersetuju bahawa OCBC Al-Amin Bank tidak akan bertanggungjawab dalam sebarang cara untuk sebarang salah guna atau penggunaan tanpa kuasa pesanan atau arahan yang diberi kepada OCBC Al-Amin Bank melalui telefon, faks, pos atau penghantaran atau sebarang kaedah komunikasi lain dan OCBC Al-Amin Bank tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk bertanyakan keesahan pesanan atau arahan yang dihantar atau disampaikan dengan sebarang kaedah atau identiti pemanggil. Pelanggan akan melindungi OCBC Al-Amin Bank dan kekal melindungi OCBC Al-Amin Bank terhadap sebarang ganti rugi, kerugian, kos dan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh OCBC Al-Amin Bank hasil daripada arahan atau notis tersebut yang diambil tindakan oleh OCBC Al-Amin Bank yang didapati tanpa kuasa atau tidak benar atau dipalsukan. OCBC Al-Amin Bank berhak untuk merakam semua perbualan dan arahan telefon dan Pelanggan bersetuju bahawa OCBC Al-Amin Bank berhak menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian. Pelanggan mengakui OCBC Al-Amin Bank hanya perlu melaksanakan arahan menurut amalan perniagaan, tatacara dan dasar yang ditetapkan dan biasa dan seterusnya boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang arahan tanpa sebarang liabiliti kepada Pelanggan. Salinan transmisi faks yang dikatakan ditandatangani oleh Orang Diberi Kuasa Pelanggan disahkan oleh mana-mana pegawai OCBC Al-Amin Bank telah diterima oleh OCBC Al-Amin Bank, akan diterima oleh Pelanggan sebagai muktamad dan konklusif, (termasuk untuk prosiding undang-undang) versi sebenar yang dicetak yang diterima melalui mesin faks OCBC Al-Amin Bank dan akan mengikat Pelanggan.

19. Terma Urus Niaga FX-i yang selesai akan disahkan oleh OCBC Al-Amin Bank kepada Pelanggan ("Nasihat Pengesahan") melalui pos, faks atau kaedah elektronik lain tetapi kegagalan atau kelewatan oleh OCBC Al-Amin Bank untuk mengeluarkan Nasihat Pengesahan tidak akan menjejaskan sebarang Urus Niaga FX-i yang diselesaikan. Sebarang percanggahan yang dilihat dalam Nasihat Pengesahan mesti disampaikan oleh Pelanggan kepada pegawai diberi kuasa OCBC Al-Amin Bank dengan segera tetapi dalam sebarang keadaan, dalam masa tujuh (7) hari atau

tempoh lain yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin Bank, berikutan tarikh Nasihat Pengesahan, jika tidak Nasihat Pengesahan tersebut akan dianggap betul, mengikat dan konklusif terhadap Pelanggan. Terma dalam Nasihat Pengesahan, kecuali dipertikaikan oleh Pelanggan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin Bank, akan diguna pakai jika terdapat sebarang percanggahan atau yang tidak konsisten dengan lembaran terma atau dokumen lain menyatakan terma Urus Niaga FX-i walaupun penerimaannya tidak diakui Pelanggan atau Pelanggan tidak mengesahkan termanya.

20. Pelanggan akan menghantar amaun mata wang penuh yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada OCBC Al-Amin Bank menurut obligasinya di bawah Perkhidmatan Urus Niaga FX-i menjelang 2.00 petang (atau masa lain yang mungkin ditentukan oleh OCBC Al-Amin Bank) pada Tarikh Nilai. Untuk kontrak pembelian FX-i oleh Pelanggan, arahan penyelesaian lengkap bertulis, yang ditandatangani oleh Pelanggan, perlu dikemukakan kepada OCBC Al-Amin Bank menjelang 2.00 petang (atau masa lain yang mungkin ditentukan oleh OCBC Al-Amin Bank) pada Tarikh Nilai. Kecuali dipersetujui OCBC Al-Amin Bank sebaliknya, tiada penyelesaian mata wang yang perlu dihantar oleh OCBC Al-Amin Bank di bawah Urus Niaga FX-i akan dibuat sebelum penerimaan penuh daripada Pelanggan amaun mata wang yang kena dibayar untuk penyelesaian kepada OCBC Al-Amin Bank. Jika arahan penyelesaian sampai kepada OCBC Al-Amin Bank selepas had masa yang dinyatakan, OCBC Al-Amin Bank hanya akan menghantar dana pada asas usaha terbaik. OCBC Al-Amin Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau caj berkaitan dengan penghantaran dana. Semua bayaran yang kena dibayar oleh Pelanggan akan dibuat sepenuhnya tanpa sebarang tolak selesai, penolakan tuntutan silang atau tahanan dana sama sekali.

21. Jika, pada mana-mana tarikh, lebih daripada satu penghantaran mata wang tertentu perlu dibuat antara pihak, maka, OCBC Al-Amin Bank boleh, atas budi bicara mutlaknya memerlukan setiap pihak akan mengagregat amaun mata wang tersebut yang perlu dihantarnya dan hanya perbezaan antara amaun agregat ini akan dihantar oleh pihak yang berhutang agregat amaun yang lebih besar kepada pihak satu lagi, dan jika agregat amaun adalah sama, tiada penghantaran mata wang akan dibuat.

22. OCBC Al-Amin Bank boleh pada bila-bila masa mengenakan had terhadap sebarang Urus Niaga FX-i di sini, termasuk had terhadap tempoh matang sebarang Urus Niaga FX-i dan agregat amaun Urus Niaga FX-i yang buka dan tutup yang tertunggak pada bila-bila masa yang dipilih. Pelanggan bersetuju untuk diikat oleh dan tidak akan melebihi sebarang had yang dikenakan oleh OCBC Al-Amin Bank. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan akan kekal bertanggung kepada OCBC Al-Amin Bank untuk sebarang liabiliti yang dialami oleh Pelanggan melebihi dan di atas had yang ditetapkan oleh OCBC Al-Amin Bank, dan berhubung dengan penenaan had.

23. Di mana kerugian dialami, Pelanggan akan membayar OCBC Al-Amin Bank kos ke atas kerugian tertunggak dari tarikh amaun tersebut dialami pada kadar yang berikut:-

(i) jika jumlah dalam mata wang selain daripada Ringgit (dan sebelum sebarang penukaran oleh OCBC Al-Amin Bank kepada Ringgit), kadar yang bersamaan kadar yang dikenakan kepada OCBC Al-Amin Bank oleh ejen Nostro masing-masing untuk jumlah relevan (tanpa memerlukan bukti atau bukti kadar) sehingga Kadar Antara Bank secara Islam semalaman harian di Pasaran Wang Antara Bank secara Islam;

(ii) jika jumlah dalam Ringgit (atau selepas penukaran oleh OCBC Al-Amin Bank kepada Ringgit), kadar setahun bersamaan dengan Kadar Antara Bank secara Islam semalaman harian di Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("Purata Kadar IIMM") dan/atau pada kadar dan dalam cara yang diendors oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau pada kadar dan dalam cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa relevan yang lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas OCBC Al-Amin Bank dan diendors oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari masa ke masa. Kadar ini akan terpakai sebelum serta selepas mana-mana penghakiman atau perintah diperoleh terhadap Pelanggan.

24. Jika Pelanggan gagal mengambil atau menyelesaikan Urus Niaga FX-i pada Tarikh Nilai, OCBC Al-Amin Bank mempunyai hak untuk menyelesaikan Urus Niaga FX-i pada harga spot lazim pada Tarikh Nilai atau pada mana-mana hari lain yang OCBC Al-Amin Bank boleh tetapkan dan mendebitkan baki kredit untuk menyelesaikan kerugian yang terhasil. Jika terdapat laba, laba tersebut akan dikreditkan kepada Akaun atau akaun semasa. OCBC Al-Amin Bank tidak mempunyai obligasi untuk memanggil atau menghantar peringatan kepada Pelanggan sebelum tempoh matang sebarang Urus Niaga FX-i.

**ACKNOWLEDGEMENT**

I/We hereby acknowledge and agree that these Spot FX & Currency Option Terms & Conditions, a copy of which I/we acknowledge having received from OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

.....

Designation:

Name:

NRIC/Passport No.:

Name of \*Company/Firm:

\*Company No./Business Registration No.:

Date: